

**Anggota PSC Diminta Tidak Dedah Maklumat Sehingga Laporan Akhir Dibentang Bernama  
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya (PSC) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili meminta anggota jawatankuasa itu tidak mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan sehingga laporan akhir dibentangkan di Dewan Rakyat.

Beliau berkata di bawah Peraturan Mesyuarat 85 Parlimen, keterangan di depan sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan surat yang dikeluarkan kepadanya tidak boleh disiarkan mana-mana pihak sebelum PSC membawa penyata itu ke Parlimen.

"Semua dokumen yang dibincangkan adalah tertakluk kepada sidang Parlimen kecuali selepas dibentangkan, baru ia menjadi hak awam termasuk anda semua (media)," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen Khamis.

Ongkili, yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata Anggota Parlimen Gombak Mohamed Azmin Ali pernah digantung daripada menghadiri sidang Dewan Rakyat selama enam bulan pada 2010 kerana membangkitkan keterangan serta surat yang dikemukakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Beliau berkata PSC akan bermesyuarat dua kali lagi sebelum membentangkan laporan akhir selewat-lewatnya 2 April ini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654282>